

# 'Saloma' dari UniMAP

Oleh ; Mohd Izwan Izhar Haris



Alor Setar, 1 November 2008-Kemantapan vokal yang dimiliki oleh Siti Nur Balqis Shaharum sememangnya sukar ditandingi. Beliau yang merupakan pelajar tahun akhir dari jurusan Kejuruteraan Mekanikal, PPK Mekatronik, telah ditabalkan sebagai Johan bagi kategori Saloma di dalam Pertandingan Bintang P.Ramlee dan Saloma Peringkat Negeri Perlis. Pertandingan yang telah diadakan di Perlis FM, Kangar Perlis itu, telah disertai oleh 20 peserta bagi kategori Saloma dan 30 peserta bagi kategori P. Ramlee. Pertandingan yang telah dianjurkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) itu, turut diadakan di stesen-stesen radio RTM yang lain termasuk di Sabah dan Sarawak dan hanya diadakan pada setiap 2 tahun sekali.

Nyanyian lagu 'Senyum Tak Berbalas' yang dipertandingkan oleh Saudari Siti Nur Balqis turut melayakkan beliau ke Peringkat Akhir Zon Utara mewakili Perlis FM. Terdapat 4 buah Stesen Radio RTM dari utara tanah air iaitu Langkawi FM, Mutiara FM (Pulau Pinang) dan Perlis FM berentap untuk mewakili Zon Utara ke Peringkat Akhir yang bakal dilangsungkan di Sarawak. Beliau adalah satu-satunya peserta dari IPTA yang berjaya ke Peringkat tersebut dan membawa nama UniMAP sebagai universiti yang diwakilinya.

Namun begitu, nasib tidak menyebelahi Saudari Siti Nur Balqis apabila beliau tidak berjaya dipilih untuk ke peringkat yang seterusnya. Akan tetapi, beliau tetap membawa pulang saguhati wang tunai RM 500.00, sijil penghargaan dan cenderahati dari RTM. Siaran rakaman bagi pertandingan tersebut juga telah disiarkan di saluran RTM1. Apa yang penting adalah pengalaman berada di pentas berprestij yang telah melahirkan ramai penyanyi berbakat besar dalam industri seni tanahair. Apapun, Syabas diucapkan kepada beliau!

